

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU****PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER DISEMBER 2006/2007**

NAMA KURSUS	:	UNDANG-UNDANG KOMERSIAL
KOD KURSUS	:	PGN 4601
TARIKH	:	04/04/2007 (RABU)
TEMPAT	:	DEWAN SULTAN MIZAN
MASA	:	9.00PAGI-11.00PAGI (2 JAM)

NO. MATRIK	:	_____
NAMA PROGRAM	:	_____
NO. MEJA	:	_____

ARAHAN KEPADA CALON

- i. Soalan ini terbahagi kepada DUA seksyen.
- ii. Soalan Seksyen A wajib dijawab.
- iii. Jawab mana-mana DUA soalan dari Seksyen B.
- iv. Sila jawab di atas kertas jawapan yang disediakan sahaja.
- v. Sekiranya terdapat percanggahan, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai.

JANGAN BUKA BUKU SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 MUKASURAT BERCETAK*

SECTION A

Instruction: This question is compulsory. Support your answers with statutory provisions and judicial precedents.

Question 1

"All contracts are agreement but not all agreements are contract."

Discuss the above statement in light of **ALL** the elements of contracts supported by the provisions in the Contracts Act 1950 and judicial precedents.

(40 marks)

SECTION B

Instruction: Answer any TWO (2) of the following questions. Support your answers with statutory provisions and judicial precedents.

Question 2

"Free consent is one of the elements to a valid contract. There must be a meeting of the minds as to the nature and scope of the contract, termed as "consensus *ad idem*."

Discuss **FIVE (5)** elements affecting free consent so as to render such contracts voidable.

(30 marks)

Question 3

- (a) "Display of goods in a shop generally does not constitute a proposal to sell. The shopowner merely holds himself prepared to consider proposals made to him at the suggested price."

Identify and explain the underlining concept in the above statement.

(15 marks)

- (b) Mimi ordered for a custom-made cupboard from Bujang Senang Ltd., a company specializing in custom-made furnitures. Mimi informed Bujang Senang Ltd. that the cupboard was needed to keep her priceless crockery collection from Switzerland. The cupboard was built and fitted in her house and subsequently, after using it for two days, the racks collapsed and all the crockery were broken.

Advise Mimi on her course of action under such situation.

(15 marks)

Question 4

In a sale agreement, Kerrang Ltd. had agreed to purchase 2000 chairs from Koopang Furniture Enterprise to be specifically used for his new beach resort in Bukit Kelawar. Soon after the construction of the resort was completed, Bukit Kelawar and its vicinity were seriously hit by a massive tsunami wave causing the whole resort to be wiped out. Kerrang Ltd. wrote to Koopang Furniture Enterprise informing the latter about the calamity and its intention to discharge itself from the contract.

- (a) Advise Koopang Furniture Enterprise on whether action can be taken against Kerang Ltd. due to its inability to perform the contract.

(15 marks)

- (b) Elaborate on **THREE (3)** causes for a contract to be discharged by supervening impossibility.

(15 marks)

Question 5

- (a) Discuss **FIVE (5)** conditions for an agency to be eligibly created by ratification.

(20 marks)

- (b) An agent is prohibited from having a conflict of interest with his duty towards his principal. Discuss.

(10 marks)

SEKSYEN A

Arahan: Soalan ini wajib dijawab. Sokong jawapan anda dengan peruntukan statut dan kes undang-undang.

Soalan 1

"Semua kontrak adalah perjanjian tetapi bukan semua perjanjian adalah kontrak."

Bincangkan pernyataan di atas berdasarkan **KESEMUA** elemen kontrak dengan sokongan peruntukan di dalam Akta Kontrak 1950 dan kes undang-undang.

(40 markah)

SEKSYEN B

Arahan: Jawab mana-mana DUA (2) soalan berikut. Sokong jawapan anda dengan peruntukan statut dan kes undang-undang.

Soalan 2

"Persetujuan yang bebas merupakan salah satu elemen kontrak yang sah. Persetujuan berlaku apabila wujud persamaan fikiran mengenai satu perkara yang sama dan dalam pengertian yang sama (*consensus ad idem*)."

Bincangkan **LIMA (5)** elemen yang boleh menjejaskan persetujuan bebas yang akhirnya menyebabkan sesuatu kontrak menjadi boleh batal.

(30 markah)

Soalan 3

(a) "Pada umumnya, peragaan barangan di dalam kedai tidak membentuk satu tawaran untuk menjual. Pemilik kedai hanyalah bersedia untuk menimbang tawaran yang dibuat kepadanya pada harga yang dicadangkan.

Kenalpasti dan jelaskan konsep yang tersirat di dalam pernyataan di atas.

(15 markah)

- (b) Mimi menempah sebuah almari daripada Bujang Senang Ltd., sebuah syarikat yang mengkhusus di dalam mengeluarkan perabut tempahan. Mimi memaklumkan kepada Bujang Senang Ltd. bahawa almari itu akan digunakan untuk menyimpan koleksi pinggan-mangkuknya yang berharga dari Switzerland. Setelah almari itu dipasang siap di rumah Mimi yang menggunakannya selama dua hari, rak-rak almari tersebut telah patah menyebabkan semua pinggan mangkuknya pecah.

Nasihatkan Mimi tentang langkah yang patut diambil di dalam situasi ini.

(15 markah)

Soalan 4

Di bawah satu perjanjian jualan barang, Kerrang Ltd. telah bersetuju untuk membeli 2000 buah kerusi daripada Koopang Furniture Enterprise untuk digunakan secara khusus bagi pusat peranginan pantai baru miliknya di Bukit Kelawar. Sebaik sahaja pusat peranginan tersebut siap dibina, Bukit Kelawar dan kawasan sekitarnya telah teruk dilanda ombak tsunami yang besar mengakibatkan keseluruhan pusat peranginan itu musnah. Kerrang Ltd. menulis kepada Koopang Furniture Enterprise memaklumkan mengenai kecelakaan tersebut dan niatnya untuk menarik diri daripada kontrak.

- (a) Nasihatkan Koopang Furniture Enterprise sama ada terdapat sebarang tindakan yang boleh diambil terhadap Kerang Ltd. akibat kegagalannya melaksanakan kontrak tersebut
- (15 markah)
- (b) Jelaskan **TIGA (3)** penyebab sesuatu kontrak itu dilepaskan melalui ketidakmungkinan yang tidak dapat dielakkan (*supervening impossibility*).
- (15 markah)

Soalan 5

- (a) Bincangkan **LIMA (5)** syarat untuk sesebuah agensi itu layak ditubuhkan secara raktifkasi.
- (20 markah)
- (b) Seseorang agen dilarang mempunyai konflik kepentingan dengan tugasnya terhadap principal. Bincangkan.
- (10 markah)